



قَابِلَةُ كَوْنِ الْحَاكِمِ شَرِيْعِي بِنَدْرِ يَفْوَاهِ وَقِيْنَتِهِ

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/1 ()

Tarikh : 22 Januari 2015

1 Rabiul Akhir 1436H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 2 TAHUN 2015
PROSIDING SEBUTAN DIHADAPAN PENDAFTAR**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 5 Tahun 2014 pada 7 Januari 2015 telah bersetuju dan memutuskan untuk melaksanakan sepenuhnya apa-apa prosiding sebutan dan siasatan kes-kes Permohonan Sijil Faraid/Akuan Pusaka di hadapan Pendaftar sebagaimana kuasa yang diperuntukan di bawah Seksyen 208, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.

2. Bagi maksud peruntukan Seksyen 208 (f), Yang Arif-Yang Arif/Hakim-hakim perlu mengeluarkan surat arahan dan perintah seperti di lampiran A kepada Pendaftar sebagai mematuhi peruntukan seksyen berkenaan.

3. Tafsiran Pendaftar adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 3, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.


“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“ SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



Certified to ISO 9001:2000
Cert. No. AR 3103

Ruj. Kami : JKSP.....
Tarikh : Januari 2015
..... Rabiul Awal 1436H

.....
.....
.....

Assalamualaikum w.b.t.

Tuan/Puan,

PERINTAH DAN ARAHAN MENJALANKAN TUGAS-TUGAS LAIN PENDAFTAR DI BAWAH PERUNTUKAN SEKSYEN 208 (f) ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI PULAU PINANG) 2004

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Tuan/Puan adalah diperintahkan untuk menjalankan tugas-tugas lain Pendaftar seperti berikut:-

- a) Menjalankan apa-apa prosiding sebutan; dan
- b) Menjalankan siasatan kes-kes Permohonan Sijil Faraid/Akuan Pusaka.

3. Perintah ini adalah sebagaimana kuasa yang diperuntukan di bawah Seksyen 208 (f), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.

4. Perintah adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,

(.....)

Hakim

Mahkamah Rendah Syariah Daerah..... / Mahkamah Tinggi Syariah
Negeri Pulau Pinang

- s.k. 1) Ketua Hakim Syarie
2) Ketua Pendaftar